



IOI PLANTATIONS

POLISI KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

IOI Corporation Berhad komited ke arah tahap tertinggi amalan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan untuk memastikan persekitaran yang sihat, selamat dan harmoni untuk pekerja dan pihak berkepentingan kami yang mungkin terjejas oleh operasi kami. Selaras dengan ini, Pengurusan dan kakitangan komited ke arah:

- Memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan, keperluan berkanun, piawaian, kod amalan dan garis panduan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan negara yang terpakai;
- Melaksana, menyemak dan terus menambah baik Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS);
- Memastikan bahaya keselamatan dan kesihatan dikenal pasti dan dinilai untuk menentukan dan melaksanakan langkah kawalan yang sesuai ke arah menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan (menggunakan Hierarki Kawalan);
- Menyampaikan maklumat dan langkah berjaga-jaga mengenai bahaya dan risiko yang terdapat di dalam premis-premis kami kepada pekerja dan pihak yang berkepentingan;
- Mengukur prestasi terhadap objektif kesihatan dan keselamatan untuk memantau keberkesanan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS);
- Memastikan bahawa pengendali-pengendali kenderaan dan jentera di dalam premis-premis kami mematuhi prosedur operasi yang selamat untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku kepada diri mereka dan orang lain;
- Menyiasat dan mencari punca-punca kemalangan, kejadian nyaris, kejadian berbahaya, penyakit dan keracunan pekerjaan dan memastikan bahawa langkah-langkah diambil dengan segera untuk mengelakkan kejadian seperti itu berulang;
- Menggalakkan perundingan dan penyertaan semua peringkat pekerja melalui platform dan program komunikasi yang relevan untuk memastikan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan sesuai, berkesan dan relevan ke arah objektif Syarikat

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'N. B. Sudhakaran'.

N. B. Sudhakaran
Plantation Director
January 2023

*Polisi ini menggantikan Polisi Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan Pekerjaan bertarikh Mac 2022.
Polisi ini akan dimaklumkan dan dikuatkuasakan kepada semua pekerja dan pihak berkepentingan yang mungkin terjejas oleh operasi kami*